



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 3 ( ) 3/12

**TAMBAHAN PERUNTUKAN BELANJAWAN 2019**  
**UNTUK KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Merujuk kepada soalan yang ditanya oleh Senator Dato Razali bin Idris semasa sesi soal Dewan Negara pada 13 Disember 2018 (Khamis), serta keraguan sesetengah pihak bahawa peruntukan belanjawan bagi Kementerian Pertahanan telah menurun berbanding dengan tahun 2018, Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan perkembangan terbaru kepada masyarakat awam.

Seperti mana yang dijawab oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong dalam Dewan Negara pada 13 Disember 2018 juga, sememangnya Kementerian Pertahanan pada asalnya menerima peruntukan berdasarkan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 berjumlah **RM13.918 billion** seperti pecahan berikut;

- a. Belanja Mengurus : RM10.27 billion
- b. Belanja Pembangunan : RM3.64 billion

Namun begitu, pada 19 November 2018, Menteri Pertahanan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah mengumumkan bahawa Kementerian Kewangan telah menyalurkan **peruntukan tambahan di bawah Belanjawan Mengurus (OE)** sebanyak **RM1,458,599,600.00**.

Dengan penambahan peruntukan sebanyak RM1.45 bilion ini, peruntukan terkini bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah **RM15,376,816,500** berbanding peruntukan 2018 iaitu RM15,497,074,600. Ini bermaksud bahawa peratusan perbezaan Belanjawan 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah 1% sahaja secara keseluruhan.

Kementerian Pertahanan akan menyusun semula keutamaan perbelanjaan dengan beberapa langkah seperti mengkaji semula skop dan kos kontrak serta mengamalkan perbelanjaan berhemah tanpa memberi kompromi kepada isu-isu keselamatan, kesiapsiagaan aset ketenteraan, kebajikan dan kesejahteraan warga ATM termasuk keluarga dan veteran.

-TAMAT-

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**14 Disember 2018**